

10/01/1998

Kerajaan sedia terima sumbangan rakyat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan bersedia menerima sumbangan kewangan daripada rakyat bagi mewujudkan sebuah tabungan sebagai usaha mengatasi kegawatan ekonomi semasa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata rakyat tidak akan dipaksa berbuat sedemikian, walaupun tujuan itu murni.

"Memang beban kegawatan ekonomi ini tidak seharusnya patut dipikul oleh kakitangan kerajaan saja. Orang ramai juga setakat yang mampu, patutlah memberi pertolongan.

"Tetapi saya nak jelaskan, kerajaan tidak akan paksa sesiapa," katanya pada wawancara khas 'Pengguna dan Ekonomi' yang disiarkan melalui program Malaysia Hari Ini (MHI) terbitan TV3.

Mengulas cadangan yang dikemukakan melalui e-mel supaya potongan gaji RM10 sebulan dilakukan terhadap semua pekerja swasta dan awam sebagai menunjukkan sokongan rakyat kepada negara dalam menghadapi masalah ekonomi, Perdana Menteri berkata: "Saya berpendapat bahawa ini adalah cara yang baik.

(END)